

Aplikasi Model Hafazan al-Qur'an Ulul Albab di Sekolah Imtiaz Terengganu

BITARAVolume 3, Issue 3, 2020: 1-33
© The Author(s) 2020
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[Application of the Model Memorizing the Qur'an Ulul Albab in School Imtiaz Terengganu]

Wan Ahmad Zakry Wan Kamarudin,¹ Azmul Fahimi Kamaruzaman,²
Firdaus Khairi Abdul Kadir³ & Ahmad Faathin Mohd Fadzil²

Abstrak

Program hafazan al-Qur'an IMTIAZ dilahirkan daripada idea konsep Ulul Albab yang bertujuan melahirkan generasi Quranik, Ensiklopedik dan Ijtihadik. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk memahami aplikasi program hafazan al-Quran IMTIAZ dengan tepat dan mendalam. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, menerusi analisis dokumen, temu bual, focus group discussion dan pemerhatian. Data kajian dianalisis secara deskriptif berpandukan tema-tema utama yang dihasilkan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa program hafazan al-Quran di IMTIAZ dijalankan secara menyeluruh dan konsisten. Teori hafazan al-Ghawthani dipraktikkan menerusi lapan kaedah iaitu takrir, halaqah (problem), talaqqi, tasmi' (problem), muraja'ah, fiqh ayat, gundal dan taqsim.

Kata kunci:

model hafazan a-Qur'an, teori hafazan al-Ghawthani, IMTIAZ

Abstract

A Program of memorizing the qur'an IMTIAZ was born from the idea of the concept of Ulul Albab which aims to produce a generation of Quranik, Ensiklopedik and Ijtihadik. Consequently, this study was conducted to understand the application program of memorizing al-Quran IMTIAZ with accurate and in-depth. This study uses a qualitative approach, through document analysis, interviews, focus group discussion and observation. The survey Data were analyzed descriptively guided by the main themes that is produced. The findings show that the program of memorizing al-Quran in IMTIAZ carried out comprehensively and consistently. The theory of memorizing al-Ghawthani practiced through eight methods, namely, takrir, the grandees (the problem), talaqqi, tasmi' (problem), muraja'ah, fiqh sentences, tallies and taqsim.

Keywords:

the model memorizing a Quran, the theory of memorizing al-Ghawthani, IMTIAZ

¹ Kolej Genius Insan, Universiti Sains Islam Malaysia.

² Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia

³ Universiti Malaysia Terengganu

Corresponding Author:

Azmul Fahimi, Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi Selangor, MALAYSIA. E-mail: azmul@ukm.edu.my

Cite This Article:

Wan Ahmad Zakry Wan Kamarudin, Azmul Fahimi Kamaruzaman, Firdaus Khairi Abdul Kadir & Ahmad Faathin Mohd Fadzil. 2020. Aplikasi model hafazan al-Qur'an Ulul Albab di Sekolah Imtiaz Terengganu. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(3): 10-9.

Pengenalan

Sumber rujukan pendidikan Islam dapat dibahagikan kepada dua sumber utama iaitu al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah SAW. Hal ini ditegaskan oleh sarjana pendidikan Islam sejak sekian lama dengan membentuk pendidikan berteraskan al-Qur'an dan al-Sunnah yang didasari oleh tauhid dan keesaan Allah SWT. Justeru dengan mengenyahkan al-Qur'an dan al-Sunnah dalam pendidikan Islam akan menyebabkan kegagalan dalam membentuk sahsiah Muslim yang komited terhadap tuntutan agama (Zakaria et al. 2012). al-Qur'an sebagai sumber utama mencatatkan sifatnya yang 'tiada keraguan' (Surah al-Baqarah 2:2; Surah al-Sajdah 32:2), petunjuk iaitu *huda* (Surah al-Baqarah 2:2) dan mengesahkan kitab-kitab yang sebelumnya (Surah Ali 'Imran 3:3). Oleh yang demikian, al-Qur'an merupakan sumber ilmu yang merentasi ruang lingkup agama dan menjadi dasar kepada semua keilmuan Islam (Mujahidin 2013; Hasan Langgulung 1986).

Negara-negara bermajoriti penduduk beragama Islam memelihara dan mengangkat tradisi pengajian al-Qur'an sama ada secara formal mahupun tidak formal. Tradisi pembelajaran dan hafazan al-Qur'an ini dijalankan di seluruh dunia termasuklah di Pakistan, India, Malaysia, Indonesia, Thailand, Brunei, Filipina, China, Kemboja dan lain-lain (Hasan Langgulung 1986). Di Indonesia yang mempunyai jumlah penganut Islam yang tinggi, kebiasaannya kanak-kanak berumur tujuh tahun akan dihantar ke surau untuk mengaji al-Qur'an (Yunus 1960). Di Filipina, walaupun sebagai komuniti minoriti, kanak-kanak Islam yang berumur enam hingga sepuluh tahun mula belajar membaca dan menghafaz al-Qur'an di rumah guru yang bermula pada pukul tujuh pagi (Lingga, 2004; Majul 1999).

Dalam konteks negara Malaysia, secara tradisinya pendidikan al-Qur'an diamalkan turun-temurun sejak awal kedatangan Islam. Pendekatan terkini dalam sistem pendidikan di Malaysia memperlihatkan kemunculan usaha-usaha integrasi ilmu naqli dan aqli dalam arus pendidikan di peringkat sekolah menengah. Pelaksanaan pendidikan Islam dan akademik di dalam sistem persekolahan dijalankan di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI) termasuk Sekolah Menengah IMTIAZ. Kini, terdapat sebuah Sekolah Menengah IMTIAZ di setiap daerah negeri Terengganu dengan bilangan pelajar yang amat menggalakkan. Model Sekolah Menengah IMTIAZ kemudiannya diadaptasi di negeri lain dengan penubuhan Sekolah Menengah IMTIAZ secara persendirian di Melaka dan Selangor. Kurikulum bersepadu IMTIAZ dengan menerapkan elemen tahfiz berjaya memacu institusi ini sebagai antara institusi terunggul negara. Hafazan al-Quran merupakan elemen penting dalam kurikulum IMTIAZ melalui program Ulul Albab. Dalam hal ini, IMTIAZ telah merangkumkan tiga objektif besar dalam tema program Ulul Albab, iaitu Quranik, Ensiklopedik dan Ijtihadik. Tema Quranik merangkumi hafazan al-Quran dan ulum al-Quran yang berkaitan. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk memahami aplikasi program hafazan al-Quran IMTIAZ. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, menerusi analisis dokumen, temu bual, *focus group*

discussion dan pemerhatian. Data kajian dianalisis secara deskriptif berpandukan tema-tema utama yang dihasilkan.

Sekolah Imtiaz dan Falsafah Ulul Albab

IMTIAZ, bermaksud cemerlang dalam Bahasa Melayu merupakan sebuah sekolah menengah. Ia ditubuhkan hasil cetusan idea Idris Jusoh sebagai Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan merangkap Ahli Parlimen Besut pada tahun 1995-1999. Sekolah IMTIAZ bermula sebagai usaha persendirian pada tahun 1996 dengan pengambilan pertama seramai tujuh orang sahaja yang dikenali sebagai Ashab al-Kahfi. Selepas pilihanraya tahun 2004, atas kepercayaan dan usaha pengasasnya sekolah ini menerima nafas baharu dan dibina di beberapa tempat lain. Bermula di Daerah Besut, beberapa buah sekolah dibina dengan mengambil kira keperluan dan jumlah pelajar yang meningkat. Pertambahan sekolah IMTIAZ di Terengganu kini merangkumi tujuh buah daerah iaitu di Besut (1999), Dungun (2005), Kuala Terengganu (2006), Kuala Berang (2006), Kemaman (2011), Setiu (2015) dan Kuala Nerus (2015) (Noraein 2015).

Walaupun jumlah sekolah IMTIAZ telah meningkat, namun kemasukan pelajar adalah terhad kepada kriteria-kriteria tertentu sahaja. Hal ini selaras dengan fungsi dan aspirasi sekolah IMTIAZ untuk melahirkan golongan Ulul Albab sepertimana termaktub dalam syarat kemasukan ke sekolah IMTIAZ. Pada tahun 2004, pentadbiran sekolah IMTIAZ diambil alih oleh Kerajaan Negeri Terengganu di bawah pengurusan Yayasan Terengganu. Sekolah IMTIAZ kemudiannya didaftarkan dengan Kementerian Pendidikan Malaysia di bawah kategori Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) pada tahun 2010. Langkah ini dilihat sebagai strategi Kerajaan Negeri Terengganu dalam perkembangan fungsi sekolah IMTIAZ disamping memenuhi permintaan penduduk untuk menempatkan anak-anak mereka di sekolah ini. Ia juga bertujuan untuk memudahkan urusan untuk mendapatkan kemudahan yang lebih baik dari semasa ke semasa.

Kurikulum IMTIAZ dianggap sebagai inovasi dalam sistem pendidikan di Malaysia (Shukery 2010). Kurikulum dan kokurikulum IMTIAZ secara umumnya berbeza dengan sekolah biasa dengan kewujudan gabungan aliran agama dan akademik berkonsepkan Q-E-I (Quranik-Ensiklopedik-Ijtihadik). Kurikulum sekolah IMTIAZ adalah,

- a. Akademik (PMR): Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Arab Komunikasi, Matematik, Sejarah, Sains, Geografi, Pendidikan Islam dan Kemahiran Hidup Bersepadu.
- b. Agama (PMR): Tauhid, Fekah, Tafsir, Tajwid, Nahu, Hadith dan Sirah
- c. Kurikulum Menengah Atas: Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Arab Tinggi, Matematik Moden, Matematik Tambahan, Sejarah, Pendidikan Syariah Islamiyyah, Pendidikan al-Qur'an dan al-Sunnah, Fizik, Kimia serta Biologi.

Pelajar di peringkat menengah rendah dikehendaki mempelajari 16 buah subjek, iaitu sembilan subjek akademik untuk PMR (kini dikenali sebagai PT3) dan tujuh buah subjek agama. Jumlah ini menunjukkan pelajar sekolah IMTIAZ perlu memberi tumpuan terhadap pelajaran akademik dan pelajaran agama secara seimbang selama tiga tahun semasa mereka

berada di peringkat menengah sekolah rendah IMTIAZ. Bagi peringkat menengah atas, pelajar didedahkan dengan 11 subjek sahaja dengan penawaran aliran sains tulen.

Penawaran kurikulum ini selaras dengan misi Sekolah IMTIAZ untuk melahirkan generasi Ulul Albab yang menguasai bidang agama dan sains, sebagaimana dicapai dalam tradisi Islam menerusi tokoh-tokoh saintis Islam terdahulu. Justeru, jelas sekali bahawa sekolah IMTIAZ memfokuskan kepada melahirkan pelajar-pelajar yang mempunyai kemampuan yang tinggi dalam bidang agama dan sains, maka lahirlah program Ulul Albab untuk mencapai matlamat ini.

Program Ulul Albab

Program Ulul Albab merupakan program bersifat pengkhususan terhadap individu berbakat dalam pelbagai bidang. Program ini didefinisikan sebagai sebuah program dirangka daripada gabungan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dengan al-Qur'an sebagai satu budaya dan teras pembelajaran sekaligus menghasilkan persekitaran yang kondusif dalam menimba ilmu. Gabungan ini membentuk intipati komponen Ulul Albab yang dikenali sebagai Quranik, Ensiklopedik dan Ijtihadik (Syukery 2010). Program ini berjaya melonjakkan IMTIAZ ke arah yang lebih berstruktur dan sistematik.

Program Ulul Albab merupakan gabungan komponen yang merangkumi aspek naqli dan aqli dengan menjadikan hafazan al-Qur'an sebagai teras pendidikan, penguasaan ilmu yang luas, kemampuan berfikir aras tinggi dan mampu menghasilkan penemuan baharu dalam bidang kehidupan. Hafazan al-Qur'an dalam konteks ini tidak terhad kepada hafazan semata-mata, ia diiringi dengan pengetahuan dan *ulum* al-Qur'an sebagai sumber ilmu, seterusnya berkemampuan mengeluarkan pandangan yang baru dan segar. Hal ini selari dengan tradisi pendidikan yang dilalui oleh tokoh-tokoh ilmuan generasi Ulul Albab, iaitu menguasai ilmu al-Qur'an.

Komponen Quranik merujuk kepada tidak hanya khatam hafazan (menghafal 30 juzuk al-Qur'an), namun ia merangkumi pengetahuan yang tinggi dalam ilmu al-Qur'an seperti bacaan, tarannum dan mengamalkan ajaran al-Qur'an itu sendiri (IMTIAZ 2008). Pelajar didedahkan dalam program hafazan al-Qur'an dengan sasaran 10 juzuk setahun selama tiga tahun (Tingkatan 1 hingga 3) dan pengulangan juzuk pada Tingkatan 4 hingga 5 (al-Murabbi 2018). Selain itu, gabungan program hafazan, KBSM, moden dan konvensional bertujuan memastikan kurikulum yang dibentuk dapat memenuhi keperluan era globalisasi (Mesyuarat Persatuan Ibu Bapa dan Guru 2010). Subjek hafazan al-Qur'an merupakan keutamaan yang perlu diambil oleh pelajar IMTIAZ. Manakala subjek-subjek yang diajarkan di IMTIAZ, khususnya subjek agama merupakan kelainan daripada sekolah beraliran biasa. Justeru, para pelajar dapat mendalami subjek ini dengan bimbingan daripada para guru berkelulusan daripada Timur Tengah dan juga universiti tempatan.

Komponen Ensiklopedik adalah keupayaan untuk menguasai pelbagai cabang ilmu (*multi-discipline*) dan pelbagai bahasa (*multi lingua*) (IMTIAZ 2008). Bagi merealisasikan konsep tersebut, IMTIAZ telah melaksanakan pelbagai program seperti (IMTIAZ 2008):

- a. Kelas Bahasa Arab dikendalikan guru-guru yang berpengalaman dari Timur Tengah.
- b. Guru-guru dihantar ke luar negara sepanjang tahun 2006-2009 melalui Program Confratute untuk Program SEM (Schoolwide Enrichment Model) sebagai kursus tahunan di University of Connecticut, USA yang berkonsepkan *Learning is Fun & Compacting Syllabus*.
- c. Kelab Bahasa: Bahasa lain seperti Kelab Bahasa Tamil, Mandarin dan Perancis.
- d. Kelab ICT agar pelajar mahir celik IT.
- e. Program *Super Learning (Brain Based Approach, Compacting Syllabus, Thinking Skill, dan Accelerated Learning)*.

Selain itu, dua lagi program yang dirancang untuk melengkapkan komponen Ensiklopedik ialah program *multitasking* dan multi disiplin ilmu. Program *multitasking* dilaksanakan mengikut lokasi IMTIAZ. Ia meliputi kemahiran menggubah bunga dan kraf bertempat di IMTIAZ Kuala Berang, seni kaligrafi di IMTIAZ Kuala Terengganu, rekacipta di IMTIAZ Dungun serta kemahiran lukisan, khat dan berkebun di IMTIAZ Besut. Program multi disiplin ilmu pula merangkumi aspek memperkasakan kemahiran pembelajaran (*learning skill* serta *learning is fun* bagi subjek matematik dan sains) dan kepimpinan (adab dan etika, pengurusan diri, protokol majlis dan interpersonal).

Program yang dianjurkan sebagai memenuhi komponen Ijtihadik pula menjurus kepada kemahiran interpersonal. Hal ini merupakan nilai tambah kepada seseorang pelajar yang tidak hanya menguasai aspek akademik, tetapi juga mempunyai kemampuan kemahiran sosial. Oleh yang demikian, terdapat pencapaian yang cemerlang dari kalangan pelajar sekolah IMTIAZ khususnya yang melibatkan komponen Ensiklopedik. Komponen Ijtihadik bertujuan melahirkan generasi yang berkeupayaan memberikan pandangan dalam penyelesaian umat di samping berfikiran kreatif dan inovatif, pemikiran strategik, pemikiran literal serta berteknologi tinggi (IMTIAZ 2008). Sehubungan itu, IMTIAZ melaksanakan aktiviti ko-kurikulum bagi memantapkan sahsiah, perkembangan minda dan fizikal pelajar di samping melahirkan pelajar yang *versatile* serta bersemangat kepimpinan melalui empat program iaitu,


- a. Program Solarik, Avionik dan Robotik dilaksanakan dengan menubuhkan kelab, menguruskan peralatan berkaitan dan mengatur jadual aktiviti.
- b. Program *brainbased* yang memfokuskan beberapa kemahiran seperti *thinking skill, presentation skill, memory skill, personality skill, multiple intelligence test* dan *artificial intelligent*.
- c. Program Komuniti dengan membentuk jawatankuasa dan jadual aktiviti komuniti. Sasaran program ialah aktiviti melawat rumah anak yatim, melawat rumah orang tua, melawat pusat orang kurang upaya, gotong-royong masjid dan tanah perkuburan, solat jenazah, tahlil serta program MPIBG muafakat.
- d. Program Kreativiti dengan menggabungkan pelbagai program Schoolwide Enrichment Model (SEM) dan *Multitasking*.

Berdasarkan program dan aktiviti yang dijalankan, ia bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada persekitaran sebenar serta memainkan peranan efektif dalam masyarakat dan menyelesaikan masalah. Program dan aktiviti yang bersifat menyeluruh ini memberi ruang

kepada pelajar untuk memilih kemahiran bersesuaian dengan bakat dan kecenderungan tersendiri. Contohnya, pelajar yang meminati bidang sains dan inovasi boleh melibatkan diri dengan kelab, manakala pelajar yang berminat dengan kemasyarakatan boleh melibatkan diri dengan program kemasyarakatan yang membolehkan mereka membiasakan diri, mengasah kemahiran dan mampu membuat sesuatu keputusan dalam mendepani masalah yang berkait secara langsung dengan masyarakat.

Epistemologi Hafazan al-Qur'an Imtiaz

Teori al-Ghawthani dalam hafazan al-Qur'an dijadikan landasan kepada metode hafazan di sekolah IMTIAZ. Pemilihan ini berasaskan kepada latar belakang al-Ghawthani yang merupakan seorang hafiz dan berpengalaman luas dalam bidang pengajaran hafazan al-Qur'an. Beliau juga menerima pengiktirafan pakar dalam bidang hafazan al-Qur'an di peringkat antarabangsa. Hafazan al-Qur'an merupakan proses pembelajaran yang menfokuskan kepada tiga rukun utama iaitu proses mengingat atau menghafaz ayat baru, mengulang ayat-ayat yang baru dihafaz dan mengulang ayat-ayat yang telah lama dihafaz (mengekal hafazan) (Sedek & Zulkifli 2015). Menurut teori pembelajaran konvensional, 'hafazan' atau 'hafalan' merupakan tahap pertama pembelajaran. Berdasarkan taksonomi Bloom (Bloom 1956; Krathwohl 2002), hafazan merupakan proses pembelajaran yang paling bawah dan asas,



Rajah 1 Taksonomi Bloom semakan Krathwohl (2002)

Berdasarkan taksonomi Bloom, proses mengingat merujuk kepada proses mengingat maklumat yang baru diperolehi semasa pembelajaran berlangsung. Walau bagaimanapun, dalam konteks hafazan al-Qur'an, beberapa kriteria khusus turut dipertimbangkan. Para sarjana dalam bidang hafazan al-Qur'an memberikan perhatian khusus kepada teori hafazan al-Qur'an. Menurut Siti Suriyani Sulaiman (2018), terdapat beberapa teori hafazan al-Qur'an yang terkenal. Antaranya Teori Pengajaran al-Qur'an Ibn Sahnun, Teori Pengajaran dan Pembelajaran Hafazan al-Qabisi (1955), Teori Kaedah Hafazan Abu Mazaya al-Hafiz (2004), Teori Kaedah Hafazan Muhammad Asraff Ayob al-Hafiz (2013), Teori Gabungan Kaedah Hafazan H. Sa'dulloh (2008) dan Ir. Imjad Qasim (2014). Kajian ini akan mengguna pakai teori al-Ghawthani (1998) dalam karya beliau *Kayf Tahfaz al-Qur'an*. al-Ghawthani merupakan seorang tokoh yang berkaliber dalam bidang tahfiz al-Qur'an, seorang hafiz dengan kelayakan

akademik yang tinggi dan berpengalaman luas dalam program hafazan al-Qur'an (Abu Mu'la 2009). Pengiktirafan terhadap keunggulan karya al-Ghawthani dapat dilihat sepertimana kenyataan sarjana kontemporari seperti 'Abd al-Ghaffar al-Durubi, Sa'id Abd Allah al-Muhammad dan Ayman Rushdi Suwayd yang berpandangan karya al-Ghawthani adalah sebuah karya yang menghimpunkan (al-Ghawthani, 1998: 8-12).

'Abd al-Ghaffar al-Durubi, seorang *khadim al-Qur'an* dan profesor *'ilm al-Qira'at* di Universiti Umm al-Qura, Makkah al-Mukarramah menyatakan,

Saya telah meneliti karya al-Ghawthani dan mendapati ia menghimpunkan kaedah-kaedah yang dibawa oleh tokoh-tokoh al-Qur'an dalam menghafaz al-Qur'an. Sesungguhnya karya beliau ini menjawab persoalan sekitar kaedah-kaedah yang membantu dalam menghafaz al-Qur'an dalam kalangan pelajar. al-Ghawthani juga mempunyai pengetahuan Qiraat Tujuh melalui dua jalur, iaitu al-Shaṭībah dan al-Durrah. Lalu saya telah mengijazahkan beliau untuk membaca qiraat ini dan mengajarkannya di mana-mana sahaja dan pada setiap zaman.


Sa'id Abd Allah al-Muhammad, yang juga seorang *khadim al-Qur'an*, profesor *ilm al-Qira'at* di Universiti Umm al-Qura, Makkah al-Mukarramah menyatakan,

Karya al-Ghawthani menjawab segala persoalan berkaitan dengan hafazan al-Qur'an bagi orang yang berminat untuk memulakan hafazan al-Qur'an. Karya beliau sarat dengan kaedah asas, prinsip-prinsip yang dibangunkan oleh generasi terdahulu serta nukilan daripada pandangan salaf RAH berkaitan hafazan al-Qur'an. al-Ghawthani juga pernah bersama saya di Makkah dan membaca al-Qur'an bersama saya dengan dua qira'at, iaitu Qira'at 'Asim bersama Ibn Kathir dan Qira'at Abu Amri al-Busri. Saya sendiri telah mengijazahkan beliau ilmu Tajwid dan Usul al-Qira'at. Sesungguhnya beliau layak untuk memikul amanah ini.

Ayman Rushdi Suwayd, seorang *khadim al-Qur'an*, profesor pentashih al-Qira'at di Jeddah, Arab Saudi menyatakan,

Saya telah meneliti karya al-Ghawthani dan mendapati karya beliau begitu lengkap dengan kaedah menghafaz al-Qur'an yang masyhur. Boleh dikatakan setiap persoalan berkaitan hafazan al-Qur'an terjawab dalam karya beliau. Bahkan beliau telah mengemukakan penggunaan kemudahan teknologi untuk memperkayakan lagi kaedah hafazan al-Qur'an.

Teori al-Ghawthani dibangunkan melalui empat teras iaitu prinsip, strategi hafazan, pemakanan dan kawalan serta pengejalan. Teori ini adalah selaras dengan teori pembelajaran yang menjadi fokus perbincangan dalam aspek pendidikan secara umumnya.



Rajah 1 Teori Hafazan al-Ghawthani (1998)

a. Prinsip

Menurut al-Ghawthani, setiap individu yang memulakan proses hafazan al-Qur'an perlu mempunyai ciri-ciri berikut agar dapat menguasai hafazan dan berjaya menghafaz dengan sempurna. Prinsip-prinsip tersebut adalah (al-Ghawthani 1998):

- i. Memahami bahawa al-Qur'an adalah terpelihara daripada sebarang kekurangan atau hilang,
- ii. Mengetahui bahawa menghafaz al-Qur'an memberi kebaikan dan kelebihan,
- iii. Menyedari dan bersedia untuk melakukan *muraja'ah* hafazan yang telah sempurna agar terus kekal,
- iv. Bersabar dan berpegang kepada keyakinan bahawa syarat untuk berjaya dalam hafazan mempunyai banyak cabaran.

Prinsip yang dikemukakan merupakan asas utama kepada penghafaz al-Qur'an. Ia juga menjadi tanggungjawab institusi yang menjalankan program hafazan untuk menanamkan prinsip ini kepada setiap individu yang mahu memulakan hafazan al-Qur'an secara serius dan menjadi seorang hafiz yang berjaya.

b. Strategi Hafazan

Strategi hafazan merupakan himpunan kaedah-kaedah yang disarankan sebagai panduan dalam melaksanakan hafazan al-Qur'an. Kaedah juga amat penting untuk dijadikan panduan

sepanjang proses hafazan dijalankan. Berdasarkan teori hafazan al-Ghawthani (1998), strategi hafazan ini dapat diklasifikasikan kepada empat domain iaitu afektif, kognitif, psikomotor dan metafizik.

- i. Afektif ialah pemupukan perasaan atau lingkungan emosi (sikap) (Krathwohl et al. 1973). Domain afektif ini melibatkan perhatian terhadap mata pelajaran, disiplin dalam mengikuti proses belajar, motivasi dalam belajar, penghargaan atau rasa hormat terhadap guru dan sebagainya (Sudjono 2006: 54). Dalam konteks ini, tumpuan dan perhatian pelajar, guru dan pihak sekolah terhadap persekitaran yang kondusif adalah penting untuk memastikan strategi ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Bagi domain ini, al-Ghawthani mengemukakan enam kaedah, iaitu mulakan pada waktu yang awal, waktu yang sesuai, lokasi yang selesa, naskhah khas, berhubung dengan guru dan kuatkan kemahuan.
- ii. Kognitif ialah kemahiran mental (pengetahuan) (Bloom 1956). Domain kognitif mencakupi kegiatan mental (otak) seperti kemampuan berfikir, memahami, menghafal, mengaplikasi, menganalisis, mensintintesis, dan kemampuan menilai (Nurbudiyani 2013). Pihak guru dan pelajar perlu saling membantu untuk memaksimumkan strategi kognitif khususnya pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang diamalkan dalam kelas al-Qur'an. al-Ghawthani menyarankan lima kaedah untuk domain ini, iaitu memperbetulkan bacaan, menghubungkan bunyi dan perhatian, memfokuskan pada ayat yang hampir sama, tumpuan pada halaman serta memahami maksud dalam hafazan.
- iii. Psikomotor ialah kemahiran manual atau fizikal (kemahiran) (Simpson 1972; Harrow 1972). Domain psikomotor khususnya pada tahap imitasi, manipulasi, artikulasi, dan naturalisasi dapat meningkatkan kemampuan gerak refleksi, gerak dasar, keterampilan perseptual, keterampilan fizikal, gerak terampil dan komunikasi (Nurbudiyani 2013). Bagi mencapai objektif strategi ini, pihak sekolah perlu menyediakan jadual dan pengisian oleh guru yang dapat membimbing pelajar supaya menggunakan strategi psikomotor secara berkumpulan atau individu. Terdapat empat kaedah yang boleh dilaksanakan untuk mencapai domain ini iaitu bacaan bertajwid dan berlagu, melakukan pengulangan, ulangkaji sistematik dan hafazan harian (al-Ghawthani 1998).
- iv. Metafizik ialah kaedah keagamaan yang diterapkan untuk memudahkan pembelajaran dan berjaya (Kamarul Shukri et al. 2009). Secara asasnya strategi ini boleh dilakukan secara individu. Namun pihak sekolah dan guru boleh terlibat untuk mengatur dan membina persekitaran yang mendorong pelajar menggunakan strategi ini semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Domain strategi bertujuan untuk mengurangkan rasa gugup, mengawal perasan kluatir dan meningkatkan keyakinan diri semasa proses pembelajaran (Suhaidah et al. 2014; Zamri 2004; Supian 2003; Abu Talib 1998). Domain ini telah dibincangkan oleh al-Ghawthani dengan tiga kaedah merangkumi niat ikhlas, taat dan menjauhi maksiat serta berdo'a.

c. Pemakanan

Pengambilan makanan berkhasiat juga merupakan aspek penting dalam teori hafazan al-Ghawthani (1998). Bahkan hal ini juga disokong oleh sarjana-sarjana dalam bidang hafazan

seperti Abu Mazaya (2004) serta Azmil Hashim dan Kamarul Azmi Jasmi (2016). Menurut al-Ghawthani (1998) antara jenis makanan yang disarankan kepada pelajar tahfiz ialah:

- i. Madu
- ii. Air zam-zam
- iii. Habbatul sauda'
- iv. Susu lembu
- v. Ikan segar

Pemakanan yang sihat menjamin kesihatan pelajar agar dapat memberi tumpuan secukupnya ketika melakukan hafazan. Di samping itu, pemakanan juga mempengaruhi aspek rohani pelajar, sikap dan juga fizikal seperti yang dibincangkan oleh sarjana kesihatan. Faktor pemakanan merupakan faktor utama pencapaian hafazan di sesebuah institusi tahfiz (Fathiyah et al. 2018).

d. Pengekalan dan Kawalan

Bagi pelajar yang telah menguasai hafazan al-Qur'an, menjadi tanggungjawabnya untuk mengekalkan hafazan yang baik itu selama-lamanya. Oleh yang demikian, al-Ghawthani (1998) dalam teorinya mencadangkan dua pendekatan, iaitu secara individu atau berpasangan. Penjelasan terperinci diterangkan seperti berikut:

i. Individu

1. *Tasdis*, iaitu pembahagian pembacaan hafazan kepada enam bahagian. Setiap bahagian mengandungi lima juzuk;
2. *Tasbi'*, iaitu pembahagian pembacaan hafazan selama tujuh hari dan khatam pada setiap hari Jumaat;
3. Khatam hafazan setiap 10 hari;
4. Setiap minggu tiga juzuk diulang sehingga khatam;
5. Gabungan cara ketiga dan keempat, iaitu pertama dua juzuk dibaca setiap hari sepanjang minggu dan kedua, setiap hari satu juzuk baru dibaca dengan menjadikan setiap hari tiga juzuk dibaca;
6. Khatam sekali sebulan;
7. Bacaan dalam solat;
8. Mendengar rakaman bacaan al-Qur'an;
9. Mengulang kembali seperti mula menghafaz.

ii. Berpasangan

1. Memperdengarkan bacaan kepada guru;
2. Melakukan ulangan surah dengan teman setiap hari;

3. Kaedah Jibrail, iaitu melakukan pengulangan dengan teman secara harian, mingguan atau bulanan. Tekniknya ialah seorang membaca, seorang lagi mendengar, apabila selesai, keduanya bertukar peranan.

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa teori hafazan al-Ghawthani (1998) mempunyai asas yang kuat untuk dijadikan sumber rujukan dan sandaran dalam kajian ini.

Penerapan Kaedah dan Teknik Hafazan

Dalam meneliti aplikasi program hafazan di sekolah IMTIAZ, terdapat empat aspek dikenalpasti sebagai teras utama dalam program hafazan tersebut. Empat aspek tersebut adalah strategi hafazan yang menggunakan kaedah-kaedah tertentu dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, rutin harian yang ditetapkan dalam kehidupan pelajar IMTIAZ, sokongan dari aspek motivasi yang mendorong pelajar untuk terus gigih meneruskan hafazan sehingga berjaya mencapai sasaran serta amalan yang dilakukan semasa menghafaz al-Qur'an sebagai sokongan kepada kaedah dan teknik, rutin harian dan motivasi.

Kaedah hafazan amat penting untuk seorang pelajar itu mengekalkan hafazan dan melakukan hafazan yang baru. Setiap individu mempunyai kaedah hafazan tersendiri sesuai dengan keperibadian, persekitaran dan kemampuan mental mereka. Oleh yang demikian, dikenalpasti beberapa kaedah hafazan yang biasa diamalkan dalam menghafaz al-Qur'an.

a. Ulangan (*takrir*)

Kaedah ulangan ialah pembacaan dilakukan berulang kali pada ayat yang sama sehingga mampu mengingatnya. Apabila bahagian itu sudah dikuasai dengan baik dan lancar, barulah berpindah kepada ayat yang baru dengan kaedah yang sama.

Kaedah ini dijalankan di sekolah IMTIAZ dengan kadar ulangan yang berbeza bergantung kepada kemampuan mengingat mereka. Kaedah *takrir* menjadi penentu kepada kekuatan hafazan pelajar bahkan ia merupakan kaedah yang utama dalam menghafaz al-Qur'an (Azmil Hashim & Kamarul Azmi 2016). Kaedah *takrir* ini perlu dilakukan dengan suara yang boleh didengar dan diulang sebanyak yang diperlukan (al-Ghawthani 1998). Hasil kajian mendapati kaedah ini diamalkan di sekolah IMTIAZ,

Setiap individu berbeza cara hafal. Kalau saya sendiri, saya suka kalau kita ulang-ulang setiap ayat tu sampai ingat... (PLJR3).

Informan berikutnya memperincikan kaedah *takrir* yang diamalkan secara menghimpunkan ayat-ayat yang dihafaz,

Baca ayat tu banyak kali, hafal, masuk ayat kedua, pahtu baca ayat tu, pahtu lepas ingat ayat kedua tuh, masuk pada ayat mula-mula. Sampai habis (PLJR2).

Dengan pelaksanaan kaedah ini pelajar menghimpunkan ayat-ayat yang dihafaz hingga sampai kepada ayat terakhir *rubu'*, kemudian baru diulang ayat yang pertama tadi (Azmil & Kamarul Azmi 2016). Seorang informan menjelaskan bagaimana amalan yang biasa dilakukan untuk menghafaz bermula daripada membetulkan dahulu bacaan secara *talaqqi*,

Kalau mengikut kaedah saya, erm... terlebih dahulu saya akan *talaqqi* bersama guru *tasmi'*. *Talaqqi* itu memperbaiki bacaan sebelum menghafal dia lebih memudahkan kita. Kalau ada kesalahan, tanda (PLJR5).

Informan juga melakukan ulangan dengan kadar tertentu,

Jadi satu bahagian tu saya akan ulang dalam 20-30 kali. Setiap hari... jadi saya kena cari masa baik-baik. Bagi masa dengan belajar (PLJR5).

Menurut al-Ghawthani (1998), al-Naysaburi mengulang hafazan sebanyak 50 kali, manakala al-Shirazi pula sebanyak 100 kali. Hal ini bermaksud *takrir* ini boleh dilakukan sebanyak yang mungkin. Berdasarkan Daftar Hafazan Pelajar (t.th.), tercatat pada poin pertama halaman satu bahawa, "Semasa menghafaz, baca ayat di muka surat yang hendak dihafaz berulang kali dengan betul dan menepati hukum tajwid."

b. *Halaqah*

Perkataan *halaqah* berasal daripada perkataan Arab yang membawa maksud 'lingkaran' atau 'lingkungan'. Di IMTIAZ, istilah *halaqah* digunakan untuk aktiviti secara berkumpulan sekitar 10 orang setiap *halaqah*. Aktiviti al-Qur'an yang dipraktikkan di IMTIAZ menggunakan *halaqah* yang terdiri daripada 10 orang pelajar dan seorang guru pembimbing. Sekiranya bilangan pelajar besar, maka nisbah guru dan pelajar menjadi besar dan memerlukan masa yang lebih lama. Hal ini sebagaimana dinyatakan informan,


Dalam setiap *halaqah*...yang kita *allocate* hanyalah 10 orang satu *halaqah*. (PTD1).

Walau bagaimanapun, sebelum ini, setiap *halaqah* boleh mencapai 15 orang seperti yang dinyatakan oleh PTD2:

Dulu kita kekurangan guru. Guru *tasmi'*. Satu *halaqah* kadang-kadang 15, 15. Sebab guru-guru *tasmi'* dulu dibekalkan oleh Yayasan Terengganu. Walaupun dibekalkan Yayasan Terengganu, kadang-kadang kan kapasiti kita katakan 1:10 kan. Kadang-kadang... orang panggil apa benda... berlaku guru tu datang pergi... begitu... jadi nak ambil guru yang lain tu jadi menyebabkan *halaqah* itu sentiasa terganggu (PTD2).

Buku Rekod Kehadiran Pelajar dan Rekod Talaqqi Halaqah al-Qur'an menjelaskan bagaimana kaedah *halaqah* terpakat dalam aktiviti hafazan. Ia mencatatkan perkataan *halaqah* sebagai kaedah yang wajib dilaksanakan. Dokumen yang sama juga menyediakan 13 ruang untuk nama pelajar yang terlibat dalam *halaqah* lengkap dengan butiran tarikh kehadiran

beserta dengan ruang penyemak dan pengesahan semakan. Susun atur halaqah yang ditetapkan oleh pihak IMTIAZ adalah seperti di bawah dengan nisbah pembahagian pelajar adalah 1:5 bagi pelajar yang telah khatam (Kurikulum 2010),



Rajah 2: Sistem Halaqah 1:5

c. *Talaqqi*

Talaqqi bermaksud menerima dan memperolehi sesuatu seperti firman Allah Ta‘ala yang bermaksud, “Kemudian Nabi Adam menerima dari Tuhannya beberapa kalimah (kata-kata pengakuan taubat yang diamalkannya)” (Surah al-Baqarah 2:37). *Talaqqi* dalam program hafazan bermaksud mempelajari bacaan al-Qur’an secara bertajwid, membetulkan segenap segi pembacaan. Dalam program al-Qur’an, *talaqqi* merupakan proses yang wajib dilalui oleh setiap pelajar bersama guru al-Qur’an. Guru berperanan memastikan bacaan pelajar dan membetulkan bacaan pelajar, manakala pelajar pula mencontohi bacaan guru dan memperdengarkan bacaannya kepada guru (Azmil & Kamarul Azmi 2016). Berdasarkan temu bual dengan informan, jelas bahawa *talaqqi* merupakan kaedah yang dipraktikkan secara serius oleh guru dan pelajar di sekolah IMTIAZ. Informan menyatakan,

Ok, di samping itu juga, sebelum pelajar menghafal tu dia jugak akan *talaqqi* dengan guru, guru yang bertugas malam itu atau pun selepas dia *tasmi* ‘ selepas pagi *tuh*... dia akan *bertalaqqi* betulkan tajwid dulu, betulkan sebutan huruf apa semua (GR3).

Dalam hal ini, menjadi tanggungjawab pelajar yang menghafaz al-Qur’an untuk memperbetulkan bacaan sebelum menghafaz. al-Ghawthani (1998) menyatakan bahawa jika kesalahan dibiarkan semasa menghafaz, pelajar akan sukar untuk memperbaiki bacaannya meskipun diberitahu selepas itu. Kajian mendapati informan kajian memberi perhatian kepada bacaan yang betul sebelum memulakan hafazan seperti berikut,

Kalau mengikut kaedah saya, erm... terlebih dahulu saya akan *talaqqi* bersama guru *tasmi* ‘. *Talaqqi* itu memperbaiki bacaan sebelum menghafal dia lebih memudahkan kita. Kalau ada kesalahan, tanda (PLJR5).

Berdasarkan pernyataan kedua-dua informan di atas, jelas kaedah *talaqqi* merupakan satu kelaziman yang perlu dilalui oleh pelajar sebelum memulakan hafazan yang baru. Tujuan *talaqqi* ialah untuk memastikan hafazan yang dilakukan tidak terdapat kesilapan bacaan sama ada dari aspek sebutan dan juga tajwid. Dalam Buku Rekod Kehadiran Pelajar dan Rekod

Talaqqi Halaqah al-Qur'an (2018) menyebutkan kaedah *talaqqi* bersama dengan kaedah *halaqah*. Dokumen lain yang khusus untuk *talaqqi* iaitu Rekod Talaqqi (2018) yang mencatatkan rekod *talaqqi* pelajar sebelum menghafaz bagi tahun sebelumnya. Hal ini bermakna kaedah *talaqqi* diaplikasikan sebelum hafazan dimulakan. Ia selaras dengan rekod hafazan pelajar untuk guru yang mencatatkan dalam panduan sebelum menghafaz al-Qur'an pada poin keempat, "Ayat yang hendak dihafaz telah ditalaqqi".

d. *Tasmi'*

Tasmi' berasal daripada perkataan bahasa Arab yang membawa maksud mendengarkan atau menjadikannya mendengar (Mohd Khairi et al. 2010). Dalam aspek menghafaz al-Qur'an, *tasmi'* dilakukan untuk memeriksa bacaan yang baru dihafaz di hadapan guru. Selain itu, pelajar boleh melakukan *tasmi'* sesama mereka sebelum dilakukan di hadapan guru.

Pelajar seharusnya menjadikan kaedah *tasmi'* sebagai amalan dalam pengajaran dan pembelajaran tahfiz kerana mereka tidak mampu untuk meyemak bacaan sendiri melainkan seseorang atau guru yang akan mendengarkan bacaan mereka (Azmil Hashim & Kamarul Azmi Jasmi 2016). Oleh yang demikian, pelajar IMTIAZ dilihat turut melakukan proses *tasmi'* dalam proses pembelajaran al-Qur'an. Hal ini seperti yang dinyatakan informan,

Sepatutnya mereka boleh tetapi, begitulah mereka. Masa Qur'an duduk *tasmi'* dan kadang-kadang pelajar ini nak *tasmi'* empat muka surat, yang tu lima muka surat, kawan-kawan yang ada empat enam orang lagi, tak sempatlah (PTD2).

Dalam hal ini, informan menyatakan *tasmi'* merupakan rutin pelajar al-Qur'an, setiap orang mengambil empat hingga lima halaman untuk *tasmi'*. Jika hal ini berlaku, ia boleh menyebabkan masa yang diperuntukan tidak mencukupi. Walaupun begitu, aktiviti *tasmi'* tetap perlu diteruskan. Informan berikutnya menjelaskan bagaimana proses *tasmi'* dijalankan dalam sesi *halaqah*,

Ok, di samping itu juga, sebelum pelajar menghafal tu dia jugak akan *talaqqi* dengan guru. Guru yang bertugas malam itu atau pun selepas dia *tasmi'* selepas pagi tu... Dia akan bertalaqqi betulkan tajwid dulu, betulkan sebutan huruf apa semua. Kemudian pagi pukul 6.30, bermula 6.30 hingga pukul 7.00 tu sesi untuk pengulangan untuk pemantapan hafazan. Ok, dia akan guna masa tu untuk ber... *tasmi'* dengan kawan-kawan dia. Ok kemudian, pada pukul 7.30 hingga pukul 9.30 pagi bermulalah sesi hafazan di situ, sesi *tasmi'* bersama guru. Ok, selepas pelajar habis *tasmi'*, kemudian dia akan ulang, *muraja'ah*, hafazan atau yang dah lama contohnya kelmarin, contohnya. Ok, setakat itu sahajalah daripada saya (GR3).

Oleh kerana proses *tasmi'* bertujuan menguji bacaan hafazan pelajar, maka sudah pasti terdapat kesilapan atau keterlupaan. Oleh yang demikian, pelajar berkenaan perlu mengulang kembali *tasmi'* sehingga guru berpuas hati. Hal ini dinyatakan oleh seorang informan seperti berikut:

Ada pelajar yang suka bercerita. *Pastu* biasanya pelajar akan datang banyak kali lah... bukan sekali. Aaa lepas dia *tasmi'*, dia duduk, dia datang balik. Dan biasa kita akan terima pelajar yang sama tiga kali (GR4).

Di samping itu, terdapat juga pelajar nakal untuk mengalihkan tumpuan guru daripada melakukan *tasmi'*. Helah ini digunakan untuk mengelak daripada guru menguji bacaan dan seterusnya menyebabkan masa terbuang begitu sahaja. Namun dalam kes seperti ini, guru perlu tegas dan menggunakan cara diplomasi.

Dalam masa yang sama kalau pelajar saya ni, dia bukan sahaja nak *tasmi'*, dalam masa kelas Qur'an tu dia berteka-teki, main teka-teki. Lepas tu saya kena jawab. Aaa... dia kata sikit jer ustazah... ustazah kena jawab. Sikit-sikit jer... aa... dia macam tu... tapi kadang-kadang saya tak layan, sebabnya *nok* suruh dia mengaji (GR4).

Selain daripada itu, proses *tasmi'* merupakan cabaran bagi pelajar kerana ia merupakan ujian kecil sebelum mereka menjadi seorang hafiz. Jadual harian yang padat menyebabkan mereka tidak sempat *tasmi'*. Selain itu, disebabkan turutan giliran yang padat dan terpaksa mengulang semula hafazan sebelumnya menyebabkan mereka tidak dapat memulakan *tasmi'* hafazan yang baru.

Saya selalunya ketika *tasmi'* dengan ustaz saya akan baca dulu malam tu lepas Isyak. *Pastu* saya hafal, *pahtu refresh* semula pada selepas Subuh. Dan *tasmi'* pada waktu pagi (PLJR1).

Kadang-kadang dalam satu *halaqah* tu ada lapan orang *jer*, *nok* kena berebut masa nak *tasmi'* tuh. Jadi itulah masalah saya (PLJR5).

Pahtuh or... kalau nak tahfiz muka surat enam *tuh*, dia kena ulang muka surat satu sampai muka surat lima dulu. Baru dapat *tasmi'* muka surat enam (PLJR2).

Pengurusan IMTIAZ membahagikan sesi *tasmi'* kepada dua iaitu ayat *tasmi'* baru (ATB) dan ayat *tasmi'* *muraja'ah* (ATM) (Kurikulum 2010). Oleh itu, apabila pelajar menjalankan hafazan sama ada ayat baru atau lama, kesemuanya perlu *ditasmi'*kan di hadapan guru. Perincian agihan masa untuk aktiviti *tasmi'* diputuskan dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah ke-10 (2009) iaitu,

- a. ATB digunakan untuk satu jam pertama (7.30-8.30 pagi), iaitu pelajar mempersembahkan ayat yang baru dihafaz kepada guru pembimbing,
- b. ATM digunakan untuk satu jam yang kedua (8.30-9.30 pagi), pelajar akan memperdengarkan ayat yang telah lama dihafaz sebelumnya kepada guru pembimbing bagi menguatkan lagi hafazan yang telah dibuat.

e. *Muraja'ah*

Muraja'ah bermaksud ulangkaji pembelajaran yang lepas untuk tujuan semakan dan pengukuhan. *Muraja'ah* berbeza dengan *takrir* kerana *muraja'ah* merupakan sesi semakan bacaan yang telah dihafaz manakala *takrir* pula ialah untuk memulakan hafazan baharu. Sesi *muraja'ah* yang dilakukan dengan kerap dapat mengukuhkan ingatan. al-Ghawthani (1998) menegaskan bahawa sesi *muraja'ah* amatlah penting dan lebih sukar berbanding menghafaz kerana menghafaz memerlukan motivasi berbanding *muraja'ah* yang memerlukan kesungguhan, kesabaran, kekal dan istiqamah terutamanya peringkat awal menguatkan hafazan. Oleh yang demikian, apabila pelajar sudah berjaya menamatkan tahap hafazan tertentu, sesi *muraja'ah* perlu dilakukan agar hafazan sebelumnya kekal utuh.

Sesi *muraja'ah* dianggap sebagai elemen penting dalam kaedah hafazan IMTIAZ. Mereka menyatakan,

Masa Qur'an duduk *tasmi'* dan kadang-kadang pelajar ini nak *tasmi'* empat muka surat, yang tu lima muka surat, kawan-kawan yang ada empat enam orang lagi tak sempatlah. Dia nak *muraja'ah* dan sebagainya (PTD2).

Informan merujuk kepada keperluan sesi *muraja'ah* setiap kali pelajar berada dalam *halaqah*. Hal ini bermaksud, sesi *muraja'ah* dilaksanakan bersama dengan *talaqqi* dan *tasmi'*. Maka para guru membahagikan masa yang sesuai untuk memenuhi aktiviti hafazan dari mula sampai tamat. Informan berikut menyatakan bagaimana beliau menjalankan sesi *muraja'ah*:

Ok, selepas pelajar habis *tasmi'*, kemudian dia akan ulang, *muraja'ah*, hafazan atau yang dah lama contohnya kelmarin, contohnya (GR3).

Pelajar yang telah selesai melakukan *muraja'ah* akan kembali semula kepada guru untuk memperdengarkan *fiqh* ayat (GR4).

Oleh yang demikian, jelas difahami bahawa sesi *muraja'ah* merupakan cabaran penting yang perlu ditangani oleh guru dan pelajar dengan sebaik-baiknya. Hal ini melibatkan kualiti hafazan itu sendiri seperti yang dinyatakan informan,

Sebab pelajar, kebanyakan pelajar hanya menghafal sahaja, sebab dia nak kuantiti. Dia fikir yang kuantiti tu yang banyak, dia tak fikir kualiti. Jadi, bagi saya penambahbaikan ini pelajar, *aper nih...* Kita kena suruh pelajar *muraja'ah*, suruh pelajar sentiasa *muraja'ah*. Maksudnya masa berjalan, sukatan ada semuka-semuka setiap hari, tapi dalam masa yang sama kita kena bagi pelajar tu *muraja'ah*lah. Mungkin akan apa, tertundalah sikit, sukatan tu... ah... tapi kerana kita nak kualiti... terpaksa... pendapat saya tu penambahbaikan tu *muraja'ah* kena lebihlah (GR4).

Sekolah kena adakan lagi banyak program macam program untuk mengulang. Er... *pastu*, macam kalau hujung minggu tu macam sekolah kena er... tetapkan murid untuk mengulang. Untuk *tadabbur Qur'an*, *muraja'ah* (PLJR4).

Bahkan sebahagian mereka menyuarakan kebimbangan apabila masa yang diperuntukan untuk *muraja'ah* semakin pendek apabila berada di Tingkatan Empat dan Lima.

Kekangan masa lah kat sini, kekangan masa. Waktu *Form 2*, *Form 3*, waktu *halaqah* tu bermula dari 6.30 sampai pukul 7.00. Rehat *pastu* mula balik 7.30 sampai pukul 9.30. Jadi situ banyak lah masa untuk *muraja'ah*, untuk hafazan baru, jadi bila naik *form* ni, naik *Form 4-Form 5*, masa Qur'an dia semakin pendek. Sebab kita nak mengejar subjek SPM *pulok*. Jadi 6.30 sampai 7.00 rehat, sambung balik 7.30 sampailah 8.30 jer... Kadang-kadang dalam satu *halaqah* tu ada 8 orang jer, *nok* kena berebut masa nak *tasmi'* tuh. Jadi itulah masalah saya (PLJR5)

Penelitian terhadap dokumen rekod *muraja'ah* mendapati pelaksanaan *muraja'ah* terbahagi kepada tiga bahagian iaitu (Rekod Hafazan Pelajar t.th.),

- i. *Muraja'ah* hafazan baharu: Dua (2) muka surat sebelum muka surat *tasmi'* di hadapan guru secara individu (8.00-8.50 pagi). Setiap murid diperuntukan empat minit. Aktiviti berlaku pada empat (4) hari pertama minggu pembelajaran.
 - ii. *Muraja'ah* hafazan lama: Dua (2) muka surat secara bergilir-gilir (kaedah tadarus) sebanyak satu (1) juzuk sebelum juzuk *tasmi'*. Setiap murid *muraja'ah* di hadapan guru antara jam 8.50-9.30 pagi. Setiap murid mengambil masa empat (4) minit setiap orang. Aktiviti ini berlaku pada empat (4) hari pertama minggu pembelajaran.
 - iii. *Muraja'ah* mingguan: *Muraja'ah* empat (4) muka surat meliputi semua muka surat yang dihafaz pada minggu tersebut di hadapan guru secara individu. Waktunya antara 7.30-8.30 pagi, iaitu enam (6) minit untuk setiap pelajar. Aktiviti ini dilakukan pada hari ke lima (5) minggu pembelajaran.
- f. *Fiqh Ayat*

Fiqh ayat ialah memahami maksud ayat al-Qur'an yang dibaca. Walau bagaimanapun, kaedah ini tidak diperlukan dalam semua proses hafazan, khususnya kepada kanak-kanak atau orang bukan Arab (al-Ghawthani 1998). *Fiqh Ayat* juga merupakan keistimewaan dalam program hafazan IMTIAZ. *Fiqh Ayat* berbeza dengan terjemahan ayat yang bersifat umum dan tidak mendalam. Apabila pelajar memahami *Fiqh Ayat*, beberapa maklumat penting tentang ayat dapat dikuasai seperti ilmu tajwid, *asbab nuzul*, kisah, ilmu sains, kosmologi dan hukum-hakam yang berkaitan. Hal ini dianggap sebagai satu elemen penting dalam proses hafazan.

Kaedah ini bertujuan memberi pendedahan kefahaman kepada pelajar tahfiz. Dengan memahami maksud ayat dan makna kalimah, pelajar dapat menumpukan perhatian terhadap ayat yang dihafaz semasa amalan *takrir* (Azmil & Kamarul Azmi 2016). Sebelum memulakan hafazan, para pelajar IMTIAZ didedahkan dengan *Fiqh Ayat* sebagai persediaan mental kepada mereka untuk lebih bersedia menghafaz setiap ayat al-Qur'an:

Seperti yang kita buat, *dawrah* yang kita buat, pada setiap tingkatan, kita ambil dari setiap tingkatan. Tiap bulan kita buat dan kita *groom* mereka itu sampai kepada pengenalan al-Qur'an itu sampai seminggu. Mereka *faqih* tentang hukum-hukum tajwid, dan *Fiqh Ayat* sebenarnya, dan inilah sebenarnya perancangan yang paling utama daripada pihak sekolah (PTD1).

Oleh yang demikian, dapat dikenalpasti bahawa para guru al-Qur'an hendaklah mempunyai pengetahuan yang cukup untuk menyampaikan *Fiqh Ayat* kepada pelajar sesuai dengan kelayakan yang mereka miliki.

Yang *very clear* kita nampak, iaitu peranan guru dalam memberi *'ibrah* pengajaran kepada mereka sebab guru pernah didedahkan dengan *Fiqh Ayat*. Dan kita ramai ustaz dan ustazah ini yang sebenarnya *takhassus* mereka ini sebenarnya adalah al-Qur'an semata-mata. *Pahtu* kita letakkan mereka untuk pelajar (PTD1).

Sebahagin mereka menyatakan *Fiqh Ayat* adalah keunikan yang dibawa oleh program hafazan IMTIAZ berbeza dengan institusi tahfiz lain. Mereka menyatakan,

IMTIAZ ni yang *bestnya* dia ada *Fiqh Ayat*. Aaa... sebab biasa sebelum sekolah. Saya tiada *Fiqh Ayat*. Aaa... pelajar biasa tulis *'gundal'* serta makna. Kalau *kat* sini *gundal* ayat al-Qur'an sahaja *takder* maknalah. Jadi bila pelajar tu bila dia baca *Fiqh Ayat* tu dia faham apa yang terkandung dalam surah tu... aaa... jadi itu bagi saya amat uniklah... (GR4).

Para pelajar turut menyatakan impak pembelajaran *Fiqh Ayat* ini memudahkan proses memahami pengajaran dalam al-Qur'an. Ia juga memudahkan mereka untuk mengaitkannya dengan ilmu pengetahuan. *Fiqh Ayat* ini juga terkandung dalam subjek Hifz al-Qur'an. Perkaitan subjek ini dengan hafazan al-Qur'an dinyatakan,

Untuk sekolah ni, setiap pelajar akan ambik satu subjek, iaitu Hifz al-Qur'an. Jadi kita sepadankan hafazan Quran dengan satu subjek tersebut, maknanya kita mengerti al-Qur'an kita menghuraikan ayat-ayat tulah menceritakan mengenai apa. Jadi keunikan yang ada pada sekolah ini er... ustaz menjadi sumber rujukan. Dan dalam *halaqah* tu pelajar berkongsilah tentang apa yang mereka hafaz dan *menda* ni memudahkan apalah hafalan kita orang sebab boleh berkongsi untuk mengulang sekali gitulah... (PLJR1).

Fiqh Ayat juga didapati membantunya para pelajar untuk menghafaz al-Qur'an kerana isi kandungan yang dihafaz itu dapat difahami,

Bagi diri saya sendiri, ermm... bila kita ikuti program hafazan ni, er... secara tidak langsung saya boleh mengingati al-Qur'an. Saya boleh faham, err... apa kandungan ayat al-Qur'an itu (PLJR3).

Malah *Fiqh Ayat* juga mencetuskan refleksi terhadap komponen Ensiklopedik yang merupakan teras program Ulul Albab di Sekolah IMTIAZ,

Hafazan ni membantu, hafazan ni yang paling jelas membantu dalam bidang sainslah. Jadi macam contoh ada ayat yang berunsur saintifik, seperti mencerita tentang ketumpatan, pergerakan bumi dan matahari, jadi ketika itu sepadan dengan silibus Tingkatan Dua. Jadi kita macam rasa kagum sebab menda ni telah diketahui sejak 1400 tahun dahulu... Jadi kita masih er... er... maknanya sumber tu telah ada, jadi mengkagumkan bagi kita... err... Lagi kisah-kisah dalam Qur'an tu sendiri memudahkan untuk kita orang menjawab Pendidikan Agama Islam, Pendidikan Qur'an Sunnah atau pun err... sebagainya... (PLJR1).

Menurut informan juga, *Fiqh Ayat* merupakan satu saranan untuk pelajar mula berfikir tentang ayat-ayat al-Qur'an dan mengkaji maksud yang tersurat dan tersirat di dalamnya.

"Eee..sebab apa..pelajar bila dia menghafal al-Qur'an sudah pasti di sana dia akan mengkaji. Apabila mereka mengkaji ayat-ayat tertentu dan dalam konteks sekarang kita panggil *Fiqh Ayat*. *Fiqh Ayat* tak dapat tidak kita kena cari ilmu-ilmu yang lain berkaitan dengan Ensiklopedik (PTD2).

Menerusi *Fiqh Ayat* juga informan dapat menambahkan maklumat tentang asbab nuzul ayat yang dihafaz. Informan ada menyebut:

Oklah sebab KBT ni kan dia ada subjek *hifz Quran*, mana dia tebuk kita orang dari juzuk 1-30; tapi ikut sukatan tingkatan. Ermm... itulah... dia ada *fiqh ayat*, macam *asbab al-nuzul* (PLJR4).

Berdasarkan temu bual juga pengkaji mendapati kaedah *Fiqh Ayat* begitu signifikan dalam program hafazan al-Qur'an. Hal ini pada hakikatnya telah diperkukuhkan lagi dalam dokumen Daftar Hafazan Pelajar (t.th.) yang menetapkan sesi khas untuk *Fiqh Ayat*:

Menerangkan empat (4) muka surat meliputi semua muka surat yang dihafaz pada minggu tersebut di hadapan guru secara individu antara jam 7.30 pagi -8.30 pagi (6 minit setiap orang). Aktiviti dilakukan pada hari ke lima (5) minggu pembelajaran.

Aktiviti *Fikh Ayat* dilaksanakan secara individu untuk menguji kefahaman mereka terhadap ayat yang telah dihafaz.

g. Gundal

Gundal ialah istilah matematik yang merujuk kepada bilangan kekerapan. Dalam konteks ini, ia merujuk kepada pelajar tahfiz membuat semakan hafazan berdasarkan bilangan kekerapan. Apabila cukup jumlah yang disasarkan, maka bilangan itu ditanda dengan garisan. Hakikatnya, tujuan buku gundal ialah untuk mengira *takrir* hafazan pelajar. Buku gundal itu akan disemak

guru al-Qur'an sebagai bukti pelajar menjalankan pengulangan yang mencukupi. Istilah ini digunakan di IMTIAZ meskipun ia tidak lagi merujuk kepada kaedah yang sama.

Kini, kaedah gundal di IMTIAZ merujuk kepada buku yang digunakan untuk aktiviti menyalin semula (*hifz tahriri*). *Hifz tahriri* atau *kitabah* merupakan kaedah sokongan yang membantu dan mengukuhkan hafazan al-Qur'an (al-Ghawthani 1998; Azmil & Kamarul Azmi 2016). Buku gundal ini dapat difahami sebagai usaha pelajar menulis kembali ayat-ayat al-Qur'an yang dihafaz dan menjadi naskah al-Qur'an lengkap apabila khatam 30 juzuk. Penggunaan buku gundal adalah penting untuk membantu pelajar memperbaiki hafazan dan menyemak bahagian ayat-ayat yang sukar untuk dihafal. Kajian mendapati pelajar tahfiz IMTIAZ diwajibkan menggunakan buku gundal seperti dalam pernyataan berikut:

Dan antara penambahbaikan yang kita buat bagaimana nak *sustain* mereka punya hafazan itu kita laksanakan dan kita kuatkuasakan amalan penulisan buku gundal. Aa... sebab dalam proses pembelajaran err... mata, semua yang pancaindera kita ini berfungsi secara *immediate* secara serentak (PTD1).

Pelajar juga menyatakan bagaimana mereka mempraktikkan penulisan hafazan dalam buku gundal:

Ada... lepas hafal tuh, dia atas; sebelum atau selepas tu tulis dalam gundal (PLJ6).

Walau bagaimanapun, praktikal menulis gundal ini berbeza dengan institusi tahfiz lain. Di IMTIAZ, pelajar hanya menulis ayat-ayat hafazan sahaja berbanding di institusi lain menulis gundal disertakan dengan makna ayat,

Aaa... sebab biasa sebelum ini, sekolah saya tiada *fikh ayat*. Aaa... pelajar biasa tulis gundal serta makna. Kalau kat sini gundal ayat al-Qur'an sahaja takder maknalah (GR4).

Kaedah gundal telah dipraktikkan di Sekolah IMTIAZ sepertimana yang disebutkan dalam dokumen hafazan IMTIAZ. Poin ke 10 dokumen ini menyatakan (Daftar Hafazan Pelajar t.th.),

10. Murid dikehendaki menulis kembali ayat-ayat yang dihafaz.

Pelaksanaan kaedah ini turut diperincikan (Daftar Hafazan Pelajar t.th.),

1.1 menulis ayat-ayat hafazan baharu (*tahriri* hafazan) sebanyak satu (1) muka surat secara individu selama 30 minit (7.00 malam-7.30 malam).

Aktiviti ini dipantau oleh guru al-Qur'an yang bertanggungjawab bertugas di samping menjadi tempat rujukan pelajar. Penelitian terhadap buku gundal mendapati ia adalah sebuah buku dengan kulit bersaiz 30.2 cm atau 12 inci (panjang) dengan kelebaran 20.6 cm atau 8.2 inci. Kertas didalamnya pula bersaiz 29.6 cm atau 11.7 inci panjang dengan kelebaran sebanyak

20.6 cm atau 8.2 inci. Ia berketebalan 620 halaman dan berwarna hitam. Buku ini boleh didapati di Sekolah IMTIAZ dengan harga RM18.00 setiap satu.

h. *Taqsim*

Taqsim bermaksud pembahagian. Dalam konteks ini, ia bermaksud teknik pembahagian yang dipraktikkan pelajar untuk membantu hafazan mereka. Teknik ini adalah teknik amat baik dan mampu memudahkan proses hafazan pelajar. Pembahagian muka surat dalam lebaran al-Qur'an sebelum memulakan hafazan diterima sebagai teknik yang berkesan. Teknik ini turut digunakan semasa menggunakan kaedah ulangan. Teknik ini adalah gabungan daripada teknik *tasalsuli* (rangkai) dan teknik *jam'i* (menghimpun) (Azmil & Kamarul Azmi 2016).

Teknik ini akan membahagikan setiap halaman al-Qur'an kepada tiga bahagian atau bahagian (al-Ghawthani 1998). Hafalan akan dimulakan mengkhususkan pada bahagian pertama sahaja dan hanya akan berpindah ke bahagian selepasnya apabila pelajar benar-benar menghafaz bahagian sebelumnya. Apabila kesemua bahagian sudah siap dihafal, barulah pelajar akan menggabungkan dan menyambung hafazan mereka menjadi satu halaman. Dengan itu selesailah satu halaman untuk ditasmi'kan di hadapan guru al-Qur'an.

Kemudian sebelum menghafal saya akan bahagikan satu muka surat tu kepada tiga bahagian. Biasanya satu muka surat tu ada 15, saya bahagi kepada tiga. Jadi satu bahagian tu saya akan ulang dalam 20-30 kali. Setiap hari... jadi saya kena cari masa baik-baik. Bagi masa dengan belajar (PLJ5).

Cara saya macam Hanim *jugok*, err... satu muka surat tu bahagi tiga. *Pahtu* sebelum hafal tu, baca banyak kali dulu satu muka surat, pahtu setiap ayat tu baca dengan maksud tafsir dia (PLJ6).

Teknik ini dicadangkan pelaksanaannya kepada pelajar al-Qur'an dan termaktub dalam dokumen pengurusan tahfiz di Sekolah IMTIAZ (Kurikulum 2010). Dokumen ini menyebutkan dalam proses menghafaz, pelajar hendaklah membahagikan halaman yang hendak dihafaz kepada tiga (3) atau empat (4) bahagian. Justeru itu, pelaksanaan teknik ini kepada pelajar adalah mengikut garis panduan yang telah dibuat oleh pihak pengurusan.

Kesimpulan

Seperti yang telah difahami, kajian ini bertujuan meneliti aplikasi pelaksanaan program hafazan di Sekolah IMTIAZ yang melahirkan golongan hafiz. Aplikasi program yang mantap membuahkan impak maksima terhadap pelajar-pelajar dalam hafazan al-Qur'an. Secara ringkas, dari aspek PdPc, pada peringkat awal pengajian di Sekolah IMTIAZ, sejak di Tingkatan Satu para pelajar diberikan pendedahan tentang al-Qur'an sebagai persiapan untuk menghafaz al-Qur'an sepanjang mereka di IMTIAZ. Teori hafazan al-Ghawthani yang dipraktikkan di Sekolah IMTIAZ dilihat mampu melahirkan penghafaz al-Qur'an yang ampuh serta holistik bertepatan dengan teras falsafah Ulul Albab di IMTIAZ iaitu Quranik, Ensiklopedik dan Ijtihadik.

Kaedah dan teknik yang diamalkan oleh guru dan pelajar semasa proses PdPc juga selari dengan kaedah dan teknik yang disarankan oleh al-Ghawthani (1998). Terdapat lapan kaedah dan teknik yang dikenal pasti diterapkan dalam PdPc program hafazan al-Qur'an IMTIAZ iaitu *takrir, halaqah, talaqqi, tasmi', muraja'ah, fiqh ayat, gundal dan taqsim*. Setiap satunya mempunyai perincian tersendiri dan diperuntukkan dalam dokumen program tahfiz di Sekolah IMTIAZ. *Fiqh ayat* dilihat sebagai keistimewaan program hafazan di Sekolah IMTIAZ berbanding institusi tahfiz lain yang hanya menerapkan pemahaman pada terjemahan al-Qu'an. Kaedah ini juga menjadi strategi yang ampuh dalam hafazan pelajar apabila digabungkan dengan kaedah gundal. Walau bagaimanapun, terdapat dua kaedah berhadapan dengan masalah iaitu *halaqah* yang dibebani dengan bilangan pelajar yang tinggi serta *tasmi'* yang memerlukan fokus dan tumpuan pelajar. Justeru itu, kaedah dan teknik yang ditemui dalam kajian ini masih boleh diperdalamkan lagi pada masa akan datang.

Rujukan

- Abu Mazaya al-Hafiz. 1996. *Panduan Menghafal al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Abu Mu'la, Muhammad. 2009. Tarjamah li al-Shaykh Yahya al-Ghawthani. *Shabkat al-Mazamir Ali Dawud al-Qur'aniyyah*. <https://www.mazameer.com/vb/threads/87649/> [9 Ogos 2019].
- Abu Talib Abdullah. 1998. Gaya dan strategi pembelajaran bahasa Melayu di kalangan pelajar Tingkatan 4 daerah Johor Bahru. Disertasi Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bloom, B.S. 1956. *Taxonomy of Educational Objectives, Handbook I: The Cognitive Domain*. New York: David McKay Co Inc
- Buku Rekod Kehadiran Pelajar. 2018. Sekolah Menengah IMTIAZ Yayasan Terengganu Besut. Daftar Hafazan Pelajar. t.th. Hal Ehwal Akademik, Sekolah Menengah IMTIAZ Yayasan Terengganu Besut.
- al-Ghawthani, Yahya 'Abd al-Razzaq. 1998. *Kayf Tahfaz al-Qur'an: Qawa'id Asasiyyah wa Turuq 'Amaliyyah*. Arab Saudi: Dar Nur al-Maktabat.
- Harrow, A. 1972. *A Taxonomy of Psychomotor Domain: A Guide for Developing Behavioral Objectives*. New York: David McKay.
- IMTIAZ. 2008. *Satu Pengalaman dan Pelaksanaan Kurikulum di IMTIAZ*. t.tp.: t.pt..
- Kamarul Shukri Mat Teh, Mohamed Amin Embi, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Zamri Mahamod. 2012. Hubungan tahap motivasi dengan strategi pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama Terengganu. *Jurnal Teknologi* 52(1): 57-67.
- Mohd Khairi Zainuddin, Mohd Nazri Zainuddin & Mohd Fuad Mohd Isa. 2010. *Kamus Arab-Melayu-Inggeris: Miftah al-Tullab*. Kuala Lumpur: Al-Azhar Media Enterprise.
- Krathwohl, D.R., Bloom, B.S. & Bertram, B.M. 1973. *Taxonomy of Educational Objectives, the Classification of Educational Goals. Handbook II: Affective Domain*. New York: David McKay Co., Inc.
- Krathwohl, D. R. 2002. A revision of Bloom's taxonomy: An overview. *Theory into Practice* 41(4): 212-218.

- Kurikulum. 2010. Hal Ehwal Akademik, Sekolah Menengah IMTIAZ Yayasan Terengganu Besut.
- Lingga, Abhoud Syed M. 2004. Muslim minority in the Philippines. Kertas kerja The SEACSN Conference 2004: Issues and Challenges for Peace and Conflict Resolution in Southeast Asia. Shangri-La Hotel, Penang, Malaysia, 12-15 January.
- Majul, Cesar Adib. 1999. *Muslims in the Philippines*. Quezon City: University of the Philippines Press.
- Mesyuarat Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG). 2010. Slaid. Sekolah Menengah IMTIAZ Yayasan Terengganu Besut.
- Minit Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah ke-10 Bil. 14/2009. 2009. Cadangan modul hafazan Sekolah Menengah IMTIAZ Terengganu Bilik Mesyuarat 2, Yayasan Terengganu, 19 Oktober.
- Mujahidin, Anwar. 2013. Epistemologi Islam: Kedudukan wahyu sebagai sumber ilmu. *Ulumuna* 17(1): 41-64.
- al-Murabbi. 2018. *Buku Pengurusan Sekolah (Sekolah Menengah IMTIAZ Besut)*. t.tp.: t.pt.
- Noraieen Mansor. 2015. *Iqra' Satu Perjalanan*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Malaysia Terengganu.
- Nurbudiyani, In. 2013. Pelaksanaan pengukuran ranah kognitif, afektif dan psikomotor pada mata pelajaran IPS Kelas III SD Muhammadiyah Palangkaraya. *Anterior Jurnal* 13(1): 88-93.
- Daftar Mutaba'ah al-Tullab fi Hifz al-Qur'an (Naskh al-Mu'allim)*. t.th. 2018. Sekolah Menengah IMTIAZ Yayasan Terengganu Besut.
- Rekod Talaqqi Pelajar sebelum Menghafaz. 2018. Sekolah Menengah IMTIAZ Yayasan Terengganu Besut.
- Sedek Arifin & Zulkifli Mohd Yusoff. 2015. *Metodologi Hafazan al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Shukery Mohamed. 2010. *Inovasi Kurikulum Sekolah Menengah: Kes Sekolah di IMTIAZ*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Malaysia Terengganu.
- Simpson, E.J. 1972. *The Classification of Educational Objectives in the Psychomotor Domain*. Washington, DC: Gryphon House.
- Siti Suriyani Sulaiman. 2018. Kaedah hafazan: Suatu tinjauan ringkas. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding* 2(1): 44-59.
- Suhaidah Abdul Samat, Sofian Abdullah & Kamarulzaman Abdul Ghani. 2014. Penggunaan strategi pembelajaran nahu bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama di negeri Perak. *The Online Journal of Islamic Education Special Issue of ICIEd 2014*: 1-11.
- Sujono, Anas. 2006. *Pengantar Evaluasi Pendidikan*. Jakarta: PT. Raya Grafindo Persada.
- Supian Mohd Noor. 2003. Strategi pemerolehan ayat satu dasar. Tesis Dr. Fal., Universiti Putra Malaysia.
- Yunus, Mahmud. 1960. *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia*. Jakarta: Mutiara.
- Zamri Mahamod. 2004. Strategi pembelajaran bahasa Melayu di kalangan pelajar sekolah menengah. Tesis Dr. Fal., Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf & Abdul Fatah Shahrudin. 2012. Pendidikan menurut al-quran dan sunnah serta peranannya dalam memperkasakan tamadun ummah. *Jurnal Hadhari: An International Journal* Keluaran Khas: 7-22.